



BUKU PERATURAN DAN TATATERTIB

KAEDAH – KAEDAH TATATERTIB PELAJAR KIARA KOLEJ.
(PERATURAN DAN PROSEDUR)

**KAEDAH-KAEDAH TATATERTIB
PELAJAR KOLEJ KIARA
(PERATURAN DAN PROSEDUR)**

BAHAGIAN 1 (PERMULAAN)

1. Pengenalan
2. Pemakaian
3. Takrifan

BAHAGIAN II (PERATURAN AM)

4. Larangan am
5. Menganjurkan perhimpunan
6. Pembesar suara
7. Sepanduk
8. Penerbitan, dokumen dan sebagainya
9. Kegiatan pelajar luar kolej kediaman
10. Pelajar yang melibatkan diri dalam pekerjaan dan sebagainya
11. Representatif berhubungan dengan KIARA KOLEJ
12. Bantahan pelajar terhadap kemasukan orang-orang ke dalam kampus
13. Judi di dalam kampus
14. Meminum minuman keras
15. Bahan lucah
16. Dadah atau racun
17. Kebersihan dalam kampus
18. Membuat bising
19. Pemeriksaan ke atas pelajar yang disyaki mempunyai gangguan mental
20. Tempat tinggal atau tidur dalam kolej
21. Memasuki bahagian atau bangunan kolej yang terlarang
22. Gangsterisme
23. Berdua-duaan
24. Hubungan sejenis
25. Ajaran sesat
26. Ragging
27. Membawa atau mengguna senjata berbahaya
28. Merusuh atau demonstrasi
29. Lumba haram
30. Menyertai pertubuhan politik
31. Pergaduhan
32. Hamil
33. Menceroboh
34. Mencuri
35. Menipu
36. Merokok
37. Keingkaran

BAHAGIAN III (PERATURAN AKADEMIK)

38. Menghadiri kuliah/kelas

39. Sekatan ke atas penggunaan teks kuliah
40. Larangan terhadap Plagiarisme
41. Kehadiran dalam peperiksaan
42. Kehadiran semasa peperiksaan

BAHAGIAN IV (PERATURAN KOLEJ KEDIAMAN)

43. Memasuki atau berada di dalam bilik pelajar menetap
44. Menghalang pegawai-pegawai atau staf menjalankan tugas.
45. Berada di dalam premis kolej kediaman selepas jam 11.malam.
46. Menggunakan premis kolej kediaman dengan cermat dan larangan kacau ganggu.
47. Bertukar bilik tanpa kebenaran terdahulu
48. berpindah bilik tanpa kebenaran terdahulu
49. Bersopan santun
50. Kelakuan kurang sopan di sekitar kolej kediaman
51. Menyimpan bahan yang berbahaya
52. Barangan elektrik dan masakan
53. Tanggungjawab terhadap harta benda
54. Urusan keluar-masuk
55. Permohonan tinggal di luar kolej kediaman
56. Binatang peliharaan
57. Denda
58. Symbol keagamaan
59. Kuasa pihak pengurusan kolej kediaman untuk memberi perintah, berkenaan dengan kententeraman dan tatatertib

BAHAGIAN V (PERATURAN ETIKA PENAMPILAN PELAJAR)

60. Objektif
61. Peraturan – peraturan
62. Pakaian pelajar lelaki dan perempuan
63. Rambut
64. Penafian perkhidmatan dan tempat penguatkuasaan
65. Hukuman

BAHAGIAN VI (PERATURAN LALU LINTAS)

66. Kebenaran membawa kenderaan
67. Daftar kenderaan motor
68. Had laju
69. Tempat letak kenderaan
70. Membonceng
71. Lesen memandu dan kad matrik
72. Halangan kepada aliran lalu lintas
73. Pelekat kenderaan
74. Pemakaian topi dan tali pinggang keledar

75. Kuasa ketua unit keselamatan KK

BAHAGIAN VII (PROSEDUR TATATERTIB)

76. Kesalahan
77. Kehadiran di hadapan lembaga pengadilan tatatertib pelajar
78. Akibat tidak hadir di hadapan lembaga pengadilan tatatertib pelajar
79. Pengakuan bersalah dan tatacara berikutnya
80. Tatacara apabila pelajar tidak mengaku bersalah
81. Keterangan pelajar
82. Memanggil semula saksi
83. Pengumuman keputusan
84. Mengenakan hukuman
85. Jagaan dan pelupusan barang kes (Ekshibit)
86. Nota bertulis mengenai prosiding tatatertib
87. Jagaan /menyimpan nota
88. Daftar prosiding tatatertib
89. Bayaran denda
90. Akibat tidak membayar denda
91. Perintah membayar ganti rugi
92. Orang –orang yang boleh hadir dalam prosiding tatatertib.
93. Rayuan

BAHAGIAN VIII (PERUNTUKAN AM)

94. Kesalahan tatatertib
95. Kaedah-kaedah tatatertib pelajar – pelajar KIARA kolej (peraturan dan prosedur) ini tidak boleh mengurangkan tanggungan jenayah
96. Jenis –jenis kesalahan yang boleh di kompaun mengikut peraturan dan tatarertib pelajar Kiara Kolej
97. Aku janji penerima peraturan AM pelajar Kiara kolej.

BAHAGIAN I

1. PENGENALAN

Pada menjalankan kuasa – kuasa yang di beri oleh seksyen 16c akta universiti dan kolej universiti 1971, pihak pengurusan KIARA kolej dengan ini membuat kaedah –kaedah berikut.

2. PEMAKAIAN

Kaedah – kaedah hendaklah terpakai kepada semua pelajar KIARA kolej. Pelanggaran mana – mana undang-undang KIARA kolej atau peruntukan dibawah kaedah kaedah ini akan mengakibatkan kan seseorang pelajar boleh dikenakan tindakan tatatertib. Kaedah ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan akta universiti dan kolej universiti 1971.

3. TAKRIFAN

Dalam kaedah –kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“KK” ertinya KIARA KOLEJ.

“Arahan lalu lintas”, ertinya apa-apa perintah, arahan atau petunjuk yang diberikan oleh seseorang yang diberikan kuasa kepada mana-mana orang yang menggunakan jalan atau kenderaan di dalam kolej.

“Kolej kediaman” ertinya apa-apa kemudahan penginapan dengan apa-apa jua nama yang di panggil yang disediakan oleh Kiara Kolej bagi kediaman pelajar.

“Bilik tatatertib” ertinya sesuatu bilik yang diperuntukkan bagi maksud menjalankan prosiding tattertib amnya atau bagi maksud prosiding tatatertib yang tertentu.

“Dadah” ertinya apa-apa dadah atau bahan yang ada masa ini disenaraikan dalam jadual pertama kepada akta dadah berbahaya 1952 (akta 234)

“Isyarat lalu lintas” termasuk isyarat tiang amaran, tiang arahan, isyarat, tanda atau alat yang didirikan atau disediakan pada atau berhampiran dengan jalan untuk pengetahuan, panduan atau penunjuk orang-orang yang menggunakan jalan.

“Judi” ertinya bermain apa-apa permainan beradu nasib, atau gabungan beradu nasib dan kemahiran, bagi wang atau nilai wang, dan termasuklah apa-apa pertaganan, apa-apa pertaruhan atau apa-apa loteri.

“Kolej” ertinya KIARA kolej.

“Kakitangan” ertinya manan-mana pekerja KIARA kolej.

“Kenderaan” ertinya suatu struktur yang boleh bergerak atau di gerakakan oleh jentera mekanisme yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya boleh digunakan di atas jalan raya, dan termasuklah apa-apa kenderaan yang di tarik oleh sesuatu kenderaan motor sama ada atau tidak bahagian dari kenderaan yang di tarik itu menindih atas kenderaan motor yang menariknya.

“Menipu” termasuklah meniru.

“Minuman keras” ertinya apa-apa minuman keras yang mempunyai apa-apa kekuatan alcohol.

“Pengarah” ertinya pengarah/Ketua Eksekutif KIARA kolej, dan mana-mana kumpulan orang yang diberi kuasa oleh Ketua Eksekutif untuk bertindak bagi pihaknya.

“Orang berkuasa” ertinya mana-mana orang atau kumpulan yang diberikan kuasa sewajarnya untuk bertindak bagi pihak Kiara kolej.

“Pelajar” termasuklah mana-mana pelajar diploma, pelajar matrikulasi :bukan siswazah KIARA kolej dan pelajar –pelajar yang mengikuti kursus penuh dan sambilan di Kiara kolej.

“Pegawai” ertinya mana-mana yang menyandang sesuatu jawatan di Kiara Kolej atau dalam sesuatu badan yang mana adalah suatu pihak berkuasa kolej, sama ada jawatan itu jawatan sukarela, atau untuk mendapat sasaran atau selainnya.

“Pelajar menetap” ertinya seseorang pelajar yang mentap di kolej kediaman.

“Peperiksaan” termasuklah apa-apa cara atau kaedah penilaian yang menyebabkan markah atau gred di berikan bagi sesuatu kursus atau sebahagian daripada kursus tertentu.

“Kampus” bermaksud kawasan bersekali dengan segala bangunan atau struktur lain di atasnya, yang dipunyai atau digunakan, sama ada selama-lamanya atau selainnya oleh Kiara kolej.

BAHAGIAN II

4. SESEORANG PELAJAR TIDAK BOLEH :

- a) Menjalankan urusannya sama ada didalam kampus atau diluar kampus dalam apa cara yang boleh merosakkan atau memudaratkan.
 - i. Kepentingan, kesejahteraan atau nama baik kolej, mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai atau pekerja kolej atau ketenteraman atau keselamatan awam,moral,kesopanan atau tatatertib.
- b) Mencabuli apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sama ada di dalam kampus atau di luar kolej.
- c) Mengganggu pengajaran, pengajian penyelidikan,kerja pentadbiran ,atau apa-apa kegiatan yang dijalankan & dibenarkan oleh kolej.
- d) Melarang, menghalang atau mengganggu mana-mana pegawai atau pekerja daripada menjalankan kewajipan atau tugasnya.
- e) Melarang, menghalang atau mengganggu, mana-mana pelajar daripada menghadiri kuliah, tutorial, kelas atau daripada mengambil bahagian dalam sesuatu aktiviti yang sah.
- f) Menganjur, menghasut atau menyertai pemulaan apa-apa peperiksaan, kuliah tutorial, kelas atau kegiatan sah lain yang dijalankan oleh atau dibawah arahan atau dengan kebenaran kolej.
- g) Merosak, mengubah, mengganggu, mengalih atau dalam apa-apa cara berurusan dengan apa-apa bahan, objek, artikel, atau harta dalam kolej.
- h) Melakukan apa-apa perbuatan atau menyebabkan apa-apa perbuatan di dalam kolej, supaya menyebabkan atau mungkin menyebabkan halangan, kesulitan, kegusaran kerugian atau kerosakan kepada mana-mana orang di dalam kolej.
- i) Melanggar apa-apa arahan atau kehendak pustakawan kolej, anggota kakitangan perpustakaan, buku-buku dalam perpustakaan dan kemudahan-kemudahan lain dalam perpustakaan.
- j) Melanggar apa-apa arahan atau kehendak orang yang diberi kuasa berkenaan penggunaan mana-mana makmal, peralatan makmal, perkakas atau bahan dan kemudahan lain dalam makmal

5. MENGANJURKAN PERHIMPUNAN.

- a) Tiada pelajar,pertubuhan, badan, atau kumpulan pelajar boleh, tanpa kebenaran terdahulu ketua Eksekutif mengadakan, menganjurkan, atau memanggil atau menyebabkan supaya diadakan , penganjuran, atau dipanggil atau dalam apa-apa cara,terlibat dalam pergadaan,penganjuran, atau pemanggilan apa-apa perhimpunan yang lebih daripada lima orang dalam mana yang dupunyai oleh atau di bawah mililkan atau kawalan kolej atau yang digunakan bagi maksud kolej.
- b) Dalam memberi kebenaran yang tersebut dalam subkaedah (a) ketua eksekutif boleh mengenakan apa-apa sekatan,terma atau starat yanag di sifatkan perlu atau sesuai.
- c) Tiada pelajar boleh menghadiri atau menyertai sesuatu perhimpunan yang diadakan yang melanggar dengan subkaedah (a) atau (b).

6. PEMBESAR SUARA.

- a) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh memiliki atau mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalan pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, bagi maksud ucapan awam,,apa-apa pembesar suara atau alat-alat serupa lain tanpa kelulusan terdahulu Ketua Eksekutif.
- b) Dalam memberikan kelulusan dalam subkaedah (a) Ketua Eksekutif boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma atau syarat yang disifatkan perlu atau sesuai.

7. SEPANDUK

Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh:

- a. Membuat atau menyebabkan supaya di buat atau melakukan apa-apa perbuatan untuk membuat atau menyebabkan suapaya dibuat.
- b. Mengibar, mempamerkan menunjukkan atau dalam apa-apa cara menggunakan atau menyebabkan supaya dikibar, dipamer, ditunjukkan atau dalam menggunakan atau
- c. Memiliki atau mempunuyai dalam milikan, jagaan atau kawalan pelajar, atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar apa-apa bendera, sepanduk, plakad, poster, lambing atau alat lain yang keadaan tidak berdisiplin, kekacauan, keingkaran atau pelanggaran kaedah-kaedah ini.

8. PENERBITAN, DOKUMEN, DAN SEBAGAINYA.

- a. Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, tanpa kebenaran terdahulu ketua Eksekutif, boleh menerbitkan, membahagi-bahagikan atau mengedarkan apa-apa dokumen di dalam atau luar kolej.

9. KEGIATAN PELAJAR LUAR KOLEJ KEDIAMAN

- a. Tiada pelajar, pertubuhan , badan atau kumpulan pelajar, boleh menjalankan atau menyertai apa-apa kegiatan di luar kolej yang mendatangkan kesan buruk secara langsung kepada kolej atau yang memudaratkan kepentingan kolej.
- b. Ketua Eksekutf boleh mengeluarkan garis panduan berkenaan dengan kegiatan yang memudaratkan kepentingan kolej.

10. PELAJAR YANG MELIBATKAN DIRI DALAM PERKERJAAN DAN SEBAGAINYA.

- a. Tiada pelajar boleh, didalam kolej atau di luar kolej, melibatkan diri dalam apa-apa perkerjaan, pengajian, perniagaan, perdagangan atau kegiatan lain, sama ada atas dasar sepenuh masa atau sambilan sebelum mendapat kebenaran pengurusan.

11. REPRESENTATIF BERHUBUNGAN DENGAN “KIARA KOLEJ”

Tiada pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh tanpa kelulusan ketua Eksekutif terlebih dahulu membuat apa-apa representatif atau apa-apa cara lain, kepada mana-mana pegawai awam atau dalam perjalanan apa-apa penyiaran melalui bunyi atau gambar yang berhubungan dengan sesuatu perkara berkaitan dengan kolej atau dengan kakitangan atau pelajar kolej, atau berkaitan dengan dirinya atas sifatnya sebagai seorang pelajar.

12. BANTAHAN PELAJAR TERHADAP KEMASUKAN ORANG-ORANG KE DALAM KAMPUS

Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh membuat apa-apa bantahan, sama ada secara lisan atau bertulis atau dalam apa-apa cara lain, terhadap kemasukan ke dalam, atau kehadiran dalam atau larangan atau pemecatan mana-mana orang, badan atau kumpulan orang dari kolej.

13. JUDI DI DALAM KAMPUS.

Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh menganjur, mengurus, menjalankan atau membantu dalam penganjuran, pengurusan atau perjalanan, pentaganan, loteri, atau pertaruhan di dalam kolej.

14. MEMINUM MINUMAN KERAS

- a) Tiada pelajar boleh, di dalam kolej, meminum atau mempunyai di dalam milikannya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa jua minuman keras.
- b) Mana-mana pelajar yang di dapati berada dalam keadaan mabuk atau yang berkelakuan tidak senonoh di bawah pengaruh minuman keras di dalam kolej adalah melakukan suatu kesalahan tatatertib.

15. BAHAN LUCAH

- a) Tiada pelajar boleh, di dalam kolej mempunyai, dalam milikannya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa bahan lucah
- b) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar yang boleh membahagi-bahagikan, mengedarkan, atau mempamerkan, atau menyebabkan supaya di bahagi-bahagikan, diedarkan atau dipamerkan, atau dalam apa-apa cara mengambil bahagian pembahagian, pengedaran atau mempamerkan apa-apa bahan lucah di dalam kolej.
- c) Seseorang pelajar hendaklah disifatkan sebagai membahagi-bahagikan atau mempamerkan sesuatu bahan lucah, tidak kira sama ada pembahagian, pengedaran atau mempamerkan itu kepada satu orang sahaja atau kepada lebih daripada satu orang yang sama ada atau tidak ada pembahagian, pengedaran atau pempameran itu adalah bagi apa-apa balasan lain.

16. DADAH ATAU RACUN.

- a) Tiada pelajar boleh mempunyai dalam milikannya atau di bawah jagaannya atau kawalannya apa-apa dadah atau racun.
- b) Tiada pelajar boleh memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan atau bercadang untuk memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan atau bercadang untuk memberikan, membekal, mengadakan atau menawarkan apa-apa racun kepada mana-mana orang,.
- c) Tiada pelajar boleh makan melalui mulut atau menghisap atau memasukkan ke dalam badannya dengan suntikkan atau apa-apa jua cara lain, apa-apa dadah atau racun.
- d) Tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh di sifatkan sebagai melarang seseorang pelajar daripada menjalani apa-apa rawatan oleh atau di bawah preskripsi pengamal perubatan yang berdaftar di bawah akta perubatan 1971 (akta 50)
- e) Mana-mana pelajar yang didapati dibawah pengaruh mana-mana dadah adalah melakukan kesalahan tatatertib.
- f) Ketua Eksekutif boleh menghendaki seorang pelajar yang disyaki menagih dadah menjalani ujian air kencing atau sebarang ujian yang di fikirkan perlu di kenakan terhadapnya.
- g) Jika seseorang pelajar enggan menyerah dirinya untuk menjalani ujian yang tersebut dalam subkaedah (f), dia adalah melakukan suatu kesalahan tatatertib.

17. KEBERSIHAN DI DALAM KAMPUS.

Seseorang pelajar tidak boleh melakukan apa-apa yang boleh menjejaskan kebersihan dan kekemasan tempat tinggal seseorang pelajar di dalam kolej atau mana-mana kolej kediaman, dewan, kuliah, jalan, kawasan atau ,mana-mana bahagian kolej lain, atau binaan lain di dalam kolej.

18. MEMBUAT BISING

Seseorang pelajar tidak boleh membuat apa-apa bunyi atau bising, atau menyebabkan apa-apa bunyi atau bising di keluarkan, dalam apa-apa cara, jika bunyi atau bising itu menyebabkan atau mungkin menyebabkan kemarahan atau gangguan kepada mana-mana orang di dalam kolej.

19. PEMERIKSAAN KE ATAS PELAJAR YANG DISYAKI MEMPUNYAI GANGGUAN MENTAL

Ketua eksekutif boleh menghendaki seseorang pelajar yang disyaki mempunyai gangguan mental menjalani pemeriksaan perubatan oleh pengamal perubatan yang berkelayakan.

20. TEMPAT TINGGAL ATAU TEMPAT TIDUR DALAM KOLEJ

Tiada pelajar boleh menggunakan atau menyebabkan supaya digunakan mana-mana bahagian bangunan di dalam kolej sebagai tempat tinggal atau tempat tidur kecuali tempat tinggal yang disediakan untuknya dalam kolej kediaman.

21. MEMASUKI BAHAGIAN ATAU BANGUNAN KOLEJ YANG DI LARANG.

Seseorang pelajar tidak boleh masuk ke dalam mana-mana bahagian kolej atau mana-mana bahagian, mana-mana bangunan di dalam kolej yang termasuk di dalamnya dilarang kepada am nya,terutamanya kepada pelajar atau sesuatu kelas pelajar.

22. GANGSTERISME

Pelajar adalah di larang sama sekali dari menubuhkan atau melibatkan diri dalam apa jua aktiviti atau kumpulan yang berbentuk ‘gangsterisme’

23. BERDUA-DUAAN

Mana –mana pelajar kolej didapati bersama dengan pasangannya (berlainan jantina) tidak kira sama ada seseorang itu islam atau tidak dan mereka itu bukan isterinya/suaminya atau bukan mahram nya di tempat sunyi ,atau dalam sebuah bilik pada mana-mana bangunan kolej kediaman atau di luar kolej dalam keadaan yang boleh mendatangkan syak atau mereka ada bertujuan melakukan zina adalah menjadi satu kesalahan besar.

24. HUBUNGAN SEJENIS

Hubungan sejenis adalah perbuatan keji yang dilarang sama sekali.mana –mana pelajar yang disyaki boleh boleh disisat dan jika bersalah, boleh dikenakan hukuman berat.

25. AJARAN SESAT.

Seseorang pelajar islam tidak boleh mengasaskan /atau menyebarkan atau mengamalkan pemujaan atau penyembahan atau ajaran sesat /ekstrim atau ilmu hitam atau mana-mana aktiviti yang bercanggahan dengan ajaran islam ,atau sebarang kegiatan yang boleh mengakibatkan murtad.

26. RAGGING

‘Raging’ dalam segala bentuk adalah dilarang sama sekali.permainan yang membahayakan seperti membaling ‘waterbomb’ dan sebagainya adalah juga dilarang.

27. MEMBAWA ATAU MENGGUNAKAN SENJATA BERBAHAYA.

Tiada seorang pelajar boleh memliki, menyimpan ,membawa , mengguna atau mempamer sesuatu senjata tajam atau senjata api atau apa-apa senjata merbahaya atau bahan-bahan merbahaya seperti petrol dan bahan kimia di dalam kawasan kolej.

28. MERUSUH ATAU DEMOSTRASI

Pelajar-pelajar tidak dibenarkan mengadakan, menyertai atau melibatkan diri dalam sebarang perjumpaan haram, demonstrasi atau rusuhan tidak kira sama ada ianya dilakukan ketika didalam kampus mahupun diluar.

29. LUMBA HARAM

Pelajar –pelajar adalah dilarang daripada menyertai, menganjurkan atau melibatkan diri dalam sebarang perlumbaan motor ataupun kereta.

30. MENYERTAI PERTUBUHAN POLITIK

Tiada seseorang pelajar boleh menyertai atau mengambil bahagian dalam mana-mana parti politik sama ada secara rasmi atau tidak rasmi kecuali pada yang berumur 21 tahun ke atas.

31. PERGADUHAN

Pelajar adalahb dilarang sama kali mencetus atau melibatkan diri di dalam pergaduhan tanpa atau dengan senjata sesama pelajar kakitangan atau orang awam.

Tiada seseorang pelajar boleh bergaduh, memukul, bertumbuk dalam kawasan kolej di antara pelajar dengan pelajar atau antara pelajar dengan kakitangan kolej atau orang awam yang mengakibatkankecederaan ataupun tidak.

Tiada seseorang pelajar boleh melakukan perbuatan menggugut atau mengecam, menghasut atau berdemokrasi bagi maksud mendatangkan rasa takut kepada orang lain melalui apa jua cara.

32. HAMIL

Tiada seseorang pelajar boleh mengandung /hamil luar nikah atau bersalin akibat dari perbuatan zina.

33. MENCEROBOH

Pelajar adalah dilarang menceroboh atau memasuki kawasan larangan di dalam kolej.

34. MENCURI

Seseorang pelajar tidak boleh didapati mencuri atau terlibat dengan kegiatan mencuri atau memiliki alatan dengan niat untuk mencuri harta benda kolej atau perseorangan atau memiliki, menyimpan, menyembunyikan harta curian didalam/diluar kawasan kolej.

35. MENIPU

Tiada seseorang pelajar boleh pelajar boleh menipu atau meniru dalam peperiksaan atau memalsu atau meminda bagi maksud menipu, apa-apa juga dokumen dan surat-surat rasmi atau mengemukakan dokumen palsu atau memberikan maklumat palsu bagi tujuan menipu atau meniru atau memalsu tandatangan pegawai-pegawai yang diberi kuasa atau meminda cuti sakit.

36. MEROKOK

Kawasan kolej adalah merupakan kawasan larangan merokok. Pelajar dilarang merokok di dalam kawasan kolej.

37. KEINGKARAN

Jika seseorang pelajar melanggar apa-apa arahan atau kehendak yang sah yang diberikan atau dibuat oleh mana-mana pegawai atau pekerja kolej yang diberikan kuasa untuk memberi atau membuat arahan atau kehendak di dalam kampus, pelajar itu adalah melakukan suatu kesalahan tatatertib.

BAHAGIAN III

38. MENGAHADIRI KULIAH

- a) Jika seseorang pelajar tidak hadir mana-mana kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain yang berhubungan dengan kursus pengajian yang lain berhubungan dengan kursus pengajiannya tutorial kelas atau pengajaran lain yang berhubungan dengan kursus pengajiannya itu tanpa kebenaran terdahulu ketua Eksekutif atau pengurus Akedemik mengikut mana-mana yang berkenaan.
- b) Jika hal keadaan tidak membenarkan kebenarab terdahulu diperoleh pelajar hendaklah dengan seberapa segera yang boleh selepas itu, memuaskan hati ketua Eksekutif atau pengurus Akedemik mengikut mana-mana yang berkenaan dengan ketidakhadirannya.

39. SEKATAN KE ATAS PENGGUNAAN TEKS KULIAH

- a) Tertakluk kepada subkaedah (b) seseorang pelajar tidak boleh menggunakan teks mana-mana kuliah atau pengajaran yang disampaikan kepadanya di KIARA KOLEJ kecuali bagi maksud mengikut kursus pengajiannya terutama dia tidak boleh membuat salinan dalam apa-apa cara tentang kesemua atau mana-mana bahagian teks itu bagi maksud penerbitan, pembahagian atau pendedaran sama ada untuk bayaran atau tidak.
- b) Tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh disifatkan sebagai menghadkan budi bicara ketua Eksekutif untuk mengeluarkan garis panduan bagi membenarkan seseorang pelajar, atau sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, membuat salinan teks mana-mana kuliah atau pengajaran di bawah kawalan dan arahan ketua Eksekutif atau pengurus Akedmik dan Ketua Eksekutif boleh mengenakan dalam garis panduan itu apa-apa terma dan syarat yang disifatkan perlu atau sesuai berkenaan dengan pengeluaran semula teks mana-mana kuliah pengajian.

40. LARANGAN TERHADAP PLAGIARISME

- a) Seseorang pelajar tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan data atau ciptaan orang lain.
- b) Bagi maksud kaedah ini, plagiarism, termasuklah ;
 - I. Perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain dan mendakwa bahawa idea, penulisan, data atau ciptaan itu adalah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri atau
 - II. Suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan dalam apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau cotaan yang adalah sebenarnya di ambil daripada beberapa sumber lain.
- c) Tanpa menjelaskan keluasan makna subkaedah (b) seseorang pelajar memplagiat apabila ;
 - I. Menerbitkan, dengan dirinya sebagai pengarang suatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik atau buku yang adalah keseluruhannya atau sebahagiannya di tulis oleh beberapa orang lain.
 - II. Menggabungkan dirinya atau membenarkan dirinya digabungkan sebagai pengarang bersama sesuatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akedemik, atau buku apabila dia tidak langsung membuat apa-apa sumbangan bertulis kepada ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akedemik atau buku.
 - III. Menyalin idea atau ciptaan orang lain yang di simpan dalam apa-apa jua bentuk sama ada bertulis, tercetak, atau tersedia dalam bentuk elektronik, atau dalam bentuk slaid, atau dalam

apa-apa jua bentuk pengajaran atau perkara penyelidikan atau dalam apa-apa bentuk lain dan mengaku sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa dia adalah pencipta idea atau ciptaan itu.

- IV. Menterjemahkan tulisan atau ciptaan orang lain daripada satu bahasa kepada bahasa lain sama ada atau tidak secara keseluruhan atau sebahagian, kemudian mengemukakan terjemahan itu dalam apa-apa jua bentuk atau sebagai penulisannya atau ciptaannya sendiri atau
- V. Memetik idea daripada penulisan atau ciptaan orang lain dan membuat beberapa ubahsuaian tanpa rujukan sewajarnya kepada sumber asal dan menyusun idea semula dalam apa-apa cara yang seolah-olah dia ialah pencipta idea-idea itu.

41. KEHADIRAN DALAM PEPERIKSAAN

- a. Jika kursus pengajian seseorang pelajar memerlukan dia hadir bagi sesuatu peperiksaan dan dia tidak selainnya dihalang daripada peperiksaan itu, dia tidak boleh tidak hadir tanpa kebenaran terdahulu ketua Eksekutif atau pengurus Akademik mengikut mana-mana orang yang berkenaan.
- b. Jika hal keadaan tidak membenarkan kebenaran terdahulu di peroleh, pelajar hendaklah memuaskan hati ketua Eksekutif atau pengurus akademik mengikut mana-mana berkenaan dengan ketidakhadirannya dan memperoleh kelulusan berkenaan dengan ketidakhadirannya itu.

42. KELAKUAN SEMASA PEPERIKSAAN

- a. Tiada pelajar boleh ;
 - i. Mengambil apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain, kecuali yang di beri kuasa oleh pemeriksa, ke dalam atau ke luar dari sesuatu peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa dalam bilik peperiksaan kecuali seseorang pelajar boleh, semasa dia didalam peperiksaan, kecuali seseorang pelajar boleh, semasa dia didalam bilik peperiksaan menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas kerja, dokumen gambar atau benda lain yang telah disyorkan oleh pemeriksa dan diberi kuasa oleh Ketua Eksekutif.
 - ii. Menulis atau telah menulisnya melalui orang lain, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas tangannya, atau diatas mana-mana bahagian lain tubuh badannya, atau diatas pakaiannya.
 - iii. Berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa-apa jua cara atau ;
 - iv. Menipu atau cuba menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba untuk menipu dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan.
 - v. Tiada pelajar boleh mewakili atau diwakili oleh mana-mana individu lain boleh menduduki peperiksaan.

BAHAGIAN IV

43. MEMASUKI ATAU BERADA DI DALAM BILIK PELAJAR MENETAP

- a. Tiada seorang pun boleh memasuki sesuatu bilik di dalam kolej kediaman yang diduduki oleh seseorang pelajar menetap kecuali pelajar menetap itu sendiri.
- b. Subkaedah (a) tidak terpakai ;-
 - i. Bagi seseorang diberi kuasa yang memasuki bilik itu bagi maksud menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawab atau ;-
 - ii. Bagi seseorang yang memasuki bilik itu mengikuti apa-apa kebenaran yang diberi oleh,atau bagi pihak pengurusan kolej kediaman atau ;
 - iii. Bagi pelajar menetap daripada jantina yang sama yang memasuki bilik itu untuk melawat bagi maksud sosial biasa.
- c. Maka hendaklah menjadi kewajipan seseorang pelajar menetap untuk memastikan bahawa sekatan dalam kaedah ini betul-betul dipatuhi.

44. MENGHALANG PEGAWAI-PEGAWAI ATAU STAF MENJALANKAN TUGAS

Seseorang pelajar menetap tidak boleh melakukan apa-apa untuk melarang seseorang yang diberi kuasa daripada memasuki bilik pelajar menetap itu menjalankan tugas kewajipan atau tanggungjawabnya di dalam bilik itu.

45. BERADA DIDALAM PREMIS KOLEJ KEDIAMAN SELEPAS JAM 11 : 00 MALAM

Selepas dari pukul 11:00 malam kecuali pelajar-pelajar menetap di dalam kolej kediaman masing-masing, tiada pelajar lain boleh berada di dalam premis kolej kediaman kecuali dengan kebenaran yang di beri oleh atau bagi pihak pengurusan kolej kediaman.

46. MENGGUNAKAN PREMIS KOLEJ KEDIAMAN DENGAN CERMAT DAN LARANGAN KACAU GANGGU

- a. Seseorang pelajar hendaklah menggunakan premis dengan sewajarnya dan tidak boleh melakukan sesuatu yang boleh melakukan sesuatu yang boleh mencatitkan, mengotorkan atau menyebabkan apa-apa kerosakan lain pada mana-ana bahagian kawasan atau bangunan pada apa-apa benda atau lekapan di dalamnya.
- b. Seseorang pelajar hendaklah dalam menggunakan premis kolej kediaman dan kemudahan-kemudahan didalamnya,mengambil langkah berhati-hati bagi memastikan bahawa dia tidak menyebabkan apa-apa kesulitan ,kegusaran, halangan atau kacau atau ganggu mana-mana orang lain.

47. BERTUKAR BILIK TANPA KEBENARAN TERDAHULU

Jika seseorang di peruntukan sebuah bilik di kolej kedaiaman untuk tinggal oleh kolej,dia tidak boleh bertukar kemana-mana bilik lain tanpa mendapat kbeenaran terdahulu secara bertulis yang diberi oleh atau bagi pihak pengurusan kolej kediaman.

48. BERPINDAH BILIK TANPA KEBENARAN TERDAHULU

- a. Seseorang pelajar menetap tinggal di kolej kediaman mengikut budi bicara dan kehendak kolej.
- b. Kolej boleh menghendaki seseorang pelajar menetap mengosongkan biliknya di kolej kediaman atau memindahkannya ke tempat tinggal lain yang disediakan oleh kolej pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa alasan.
- c. Jika seseorang pelajar menetap dikehendaki mengosongkan biliknya di kolej kediaman ditukarkan dibawah subkaedah (b), dia hendaklah dalam tempoh yang ditetapkan oleh kolej mengeluarkan semua barang kepunyaannya dari bilik yang dikehendaki mengosongkan.

49. BERSOPAN SANTUN

Pelajar wajib menunjukkan sikap bersopan santun dan berakhlak mulia dengan sesiapa sahaja di kawasan kolej kediaman. Pelajar hendaklah bertegur sapa dan senantiasa memberi salam kepada sesiapa sahaja serta berkerjasama dan saling bantu antara satu sama lain.

50. KELAKUAN KURANG SOPAN DISEKITAR KOLEJ KEDIAMAN

Pelajar tidak dibenarkan berkelakuan kurang sopan disekitar kolej kediaman setiap masa.

51. MENYIMPAN BAHAN YANG MERBAHAYA

Pelajar tidak dibenarkan membawa bahan-bahan yang merbahaya didalam kolej kediaman sama ada menyimpan membawa atau memiliki bahan tersebut seperti minyak petrol, basahan kimia, perkakas yang tajam seperti kerambit, pedang kecuali dengan kebenaran pengurusan kolej kediaman terdahulu pelajar juga dilarang bermain mercun di kolej kediaman.

52. BINATANG PELIHARAAN

Pelajar tidak dibenarkan memelihara /menyimpan sebarang jenis haiwan peliharaan di dalam kawasan kolej kediaman.

53. BARANGAN ELEKTRIK DAN MASAKAN

- a. Setiap pelajar yang mempunyai atau memiliki alat-alat elektrik dan masakan di biliknya atau kolej kediaman dikehendaki mendapatkan kebenaran terdahulu daripada unit pengurusan kolej kediaman.
- b. Dilarang memasak bagi siswa-siswi untuk tujuan keselamatan.
- c. Siswa –siswi dikehendaki membuat pendaftaran barangan elektrik setiap awal semester.
- d. Pastikan kos pendaftaran semua peralatan elektrik peribadi yang telah dululuskan penggunaannya dibayar di bahagian kewangan KIARA COLLEGE.
- e. Bagi peralatan yang dibenarkan hendaklah mendapatkan surat kelulusan dan pelekat tanda akan diberikan untuk tampal pada peralatan yang didaftarkan.

- f. Peralatan elektrik yang disediakan oleh pihak pengurusan kolej kediaman adalah menjadi tanggungjawab penghuni untuk menjaganya dengan baik.
- g. Pihak pengurusan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan semua barang milik penghuni kolej kediaman.
- h. Lebihan bagi bil elektrik dan bil air daripada RM100.00 sebulan hendaklah dibayar sendiri oleh penghuni kolej kediaman.
- i. Pastikan kipas angin, lampu dan alat-alat elektrik dipadamkan sebelum meninggalkan bilik. Larang mengubahsuai peralatan dan pendawaian elektrik mewujudkan pancaran radio haram adalah dilarang.

Berikut adalah caj yang dikenakan ke atas barangan elektrik yang dibenarkan :

BIL	BARANGAN ELEKTRIK	JUMLAH MAKSIMUM UNTUK SATU RUMAH	HARGA PELEKAT UNTUK SETIAP UNIT
1.	Charger telefon	10 unit	Rm 10
2.	Computer	10 unit	RM 15
3	Kipas	3 unit	RM 15
4	Saterika	2 unit	RM 15
5	Periuk Nasi Elektrik	2 unit	RM 15
6	Cerek Elektrik	2 Unit	RM 15
7	Radio kecil	3 unit	RM 15
8	Pembakar Roti	3 unit	RM 15
9	Mesin pengisar	3 unit	RM 15
10	Ubat nyamuk Elektrik	3 unit	RM 15
11	Pencukur Elektrik	10 unit	RM 15
12	Gunting Rambut Elektrik	3 unit	RM 15
13	Pengering Rambut	3 unit	RM 15
14	Lampu meja	3 unit	RM 15

54. TANGGUNGJAWAB TERHADAP HARTA BENDA

- a) Semua peralatan yang dibekalkan oleh pihak pengurusan perlu dipastikan elok, bersih dan boleh digunakan semasa menerima, menggunakan dan memulangkan semula.
- b) Lapor kerosakan peralatan kolej kediaman segera ke pejabat pengurusan kolej kediaman.
- c) Tidak dibenarkan mengalih kedudukan perabot.
- d) Pelajar dikehendaki membayar kos mengganti/ membaiki alat-alat perabot yang dirosakkan.
- e) Pelajar yang hendak meninggalkan kolej perlu memastikan segala peralatan kolej kediaman yang di tinggalkan berada dalam keadaan baik dan bersih.

55. URUSAN KELUAR –MASUK

- a) Siswa-siswi hendaklah melaporkan diri kepada pihak pengurusan kolej kediaman ketika hendak masuk atau keluar dari kolej kediaman pada setiap semester.

- b) Siswa-siswi hendaklah mengisi borang untuk balik bercuti yang boleh didapati daripada pejabat kolej kediaman atau warden-warden dan menyerahkan kembali sebelum keluar bercuti.
- c) Siswa-siswi perlu menulis dalam buku keluar masuk di pondok pengawal setiap kali mula bercuti dan apabila balik ke kolej kediaman dari bercuti.
- d) Ibu –bapa/orang luar adalah tidak dibenarkan naik /masuk ke bilik pelajar ke kolej kediaman.
- e) Kenderaan luar adalah tidak di benarkan masuk ke dalam premis kolej kediaman KIARA COLLEGE kecuali mendapat kebenaran pihak pengurusan kolej kediaman.
- f) Kenderaan pelajar hanya dibenarkan untuk memasuki atau diletakan di kawasan premis kolej kediaman sekiranya mempunyai pelekat kenderaan berdaftar KIARA COLLEGE. Kenderaan yang tidak mempunyai pelekat kenderaan berdaftar KIARA COLLEGE hendaklah diletakkan diluar kawasan premis kolej kediaman. Pihak kolej tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku kecurian /kerusakan terhadap kenderaan pelajar.
- g) Pihak pengurusan kolej kediaman berhak untuk menghalang orang awam menemui penghuni kolej kediaman atas tujuan keselamatan.
- h) Pihak pengurusan kolej kediaman tidak akan bertanggungjawab atas kejadian yang tidak diingini sekiranya penghuni kolej kediaman tidak mengikut peraturan dan saluran yang telah di tetapkan.

56. PERMOHONAN TINGGAL DI LUAR (KOLEJ KEDIAMAN)

- a) Permohonan untuk keluar kolej kediaman dan tinggal di luar mestilah dibuat 1 (satu) semester lebih awal siswa –siswi hendaklah membuat permohonan untuk keluar kolej kediaman dan mengisi boring “permohonan keluar kolej kediaman” yang boleh didapati daripada pejabat kolej kediaman.
- b) Surat permohonan tersebut hendaklah mengandungi butiran lengkap seperti berikut :
 - i. Alamat kediaman diluar
 - ii. Nombor telefon
 - iii. Maklumat waris yang boleh dihubungi semasa kecemasan
 - iv. Pengesahan tuan rumah yang disewa (jika tinggal di rumah sewa)
- c) Surat permohonan hendaklah hendaklah dihantar kepada timbalan ketua Eksekutif KIARA COLLEGE
- d) Siswa-siswi perlu menyatakan sebab mengapa perlu tinggal diluar dan disahkan oleh ibu-bapa/penjaga.
- e) Pihak pengurusan kolej kediaman akan mendapatkan pandangan atau kebenaran secara bertulis daripada bahagian akademik, kewangan dan HES sebelum membuat sebarang keputusan.
- f) Siswa-siswi perlu menandatangani aku janji etika pelajar untuk menjaga nama –baik siswa-siswi KIARA COLLEGE serta KIARA COLLEGE sendiri dan untuk memastikan tahap akademik mereka tidak terjejas atau terganggu.
- g) Siswa-siswi yang mendapat tajaan MARA atau lain-laian organisasi perlu mendapat kebenaran daripada pihak berkaitan terlebih dahulu.

57. DENDA

Pelajar yang melanggar peraturan kolej kediaman akan diberikan satu surat saman yang akan dikeluarkan oleh pengawal yang bertugas dan denda akan dikenakan berdasarkan jumlah yang telah ditetapkan. tempoh bayaran denda yang dikenakan adalah 14 hari daripada tempoh saman. bagi pelajar yang melanggar peraturan atau melakukan kesalahan yang sama untuk kali ketiga, pelajar tersebut boleh

dikenakan tindakan disiplin dan dibicarakan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan kolej. Denda adalah seperti berikut :

BIL PERKARA	KESALAHAN	JUMLAH
1. Kebersihan	a. Kotor meliputi kawasan dalam rumah dan kaki lima	RM 5.00
	b. Kotor dipersekitaran rumah termasuk longkang dan kawasan sekitar.	RM 10.00
2. Kenderaan	a. Kereta /motor tidak didaftar/tiada pelekat kenderaan	RM 10.00
	b. Kesalahan lalu lintas	RM 5.00
3. Kolej kediaman	Membawa orang luar masuk ke kolej kediaman tanpa kebenaran.	RM 10.00

58. SIMBOL KEAGAMAAN

Pelajar tidak dibenarkan memaparkan, mempamerkan, menunjukkan atau dalam apa-apa cara menggunakan sebarang bahan/benda, lambing yang berunsurkan keagamaan yang boleh menyebabkan timbul ketidakselasaan kepada pelajar lain.

59. KUASA PIHAK PENGURUSAN KOLEJ KEDIAMAN UNTUK MEMBERI PERINTAH,BERKENAAN DENGAN KETENTERAMAN DAN TATATERTIB

- a) Pihak pengurusan kolej kediaman atau mana –mana orang lain yang diberikan kuasa oleh ketua eksekutif boleh dari semasa ke semasa memberi secara lisan atau bertulis, apa-apa perintah, arahan atau petunjuk yang difikirkannya perlu atau sesuai untuk memelihara ketenteraman dan tatatertib di dalam kolej kediaman
- b) Perintah, arahan atau petunjuk itu boleh secara amnya terpakai bagi semua atau sesuatu kelas atau perihal pelajar atau seseorang pelajar tertentu, dan hendaklah kewajipan tiap-tiap pelajar yang kepadanya perintah,arahan,atau petunjuk itu terpakai untuk mematuhi dan melaksanakan perintah arahan atau petunjuk itu.
- c) Orang yang diberikan kuasa boleh pada bicaranya sebagai ganti mengambil prosiding tatatertib mengenakan hukuman tatatertib terus dengan tidak melebihi lima puluh ringgit ke atas mana-mana pelajar yang melanggar mana-mana perintah,arahan atau petunjuk itu.
- d) Dengan syarat bahawa sebelum hukuman itu dikenakan ke atas pelajar, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memberitahunya tentang kessalahan tattertib yang dilakukan olehnya dan memberinya satu peluang untuk membuat dengan serta merta,representasi lisan berkenaan dengan kesalahan itu.
- e) Setelah pengenaan hukuman yang tersebut dalam subkaedah (c) ,pihak berkuasa dengan serta merta menyerahkan kepada pelajar suatu notis tentang pengenaan hukuman itu dalam apa-apa bentuk yang di arahkan oleh ketua eksekutif,dan berkenaan dengan yang dikenakan peruntukan

kaedah 63 dan 64 akta univrisiti dan kolej universiti 1971,kaedah-kaedah tatatertib pelajar
KIARA COLLEGE (peraturan dan prosedur)

BAHAGIAN V

60. OBJEKTIF

Peraturan etika penampilan pelajar yang digariskan oleh pengurusan kolej adalah salah satu panduan dan tatacara berpakaian yang sesuai bagi pelajar KIARA KOLEJ. Peraturan ini bertujuan untuk menjaga nama baik KIARA KOLEJ. Antara tujuan peraturan ini diperkenalkan adalah untuk membentuk suasana kampus yang harmoni, tenteram, berdisiplin dan mempunyai kesopanan dan kesusilaan selaras dengan kedudukan sebagai sebuah institusi pengajian tinggi pembelajaran ilmu.

61. PERATURAN-PERATURAN

- a) Semua pelajar diwajibkan memakai kad matrik sepanjang berada di kawasan kampus dan bertukar kad matrik adalah tidak dibenarkan.
- b) Setiap pelajar diwajibkan mempamerkan kad matrik kecuali semasa menyertai aktiviti sukan.
- c) Setiap pelajar pakaian yang melambangkan sebarang pertubuhan, kumpulan, organisasi atau simbol kecuali dalam keadaan yang tertentu dan setelah mendapat kebenaran daripada pengurusan kolej.
- d) Setiap pelajar dilarang mempamerkan unsur-unsur yang bertentangan dengan moral dan etika yang tidak baik.
- e) Setiap pelajar adalah tertakluk kepada syarat-syarat pakaian yang ditetapkan dibawah peraturan bahagian hal ehwal siswa, jabatan-jabatan, bahagian hal ehwal akademik, pusat-pusat pentadbiran di kampus, makmal computer dan sebagainya.

62. PAKAIAN PELAJAR LELAKI/PEREMPUAN

- a) Setiap pelajar hendaklah berpakaian kemas, rapi, ceria, bersopan, yang sesuai sebagai seorang pelajar kolej.
- b) Setiap diwajibkan berpakaian sopan (baju berkemeja, T-berkolar,berkasut, berseluar panjang) tidak memakai topi dan tidak memakai pakaian yang bertampal-tampal.
- c) Setiap pelajar juga tidak dibenarkan memakai pakaian yang ketat, mempamerkan susuk tubuh, mendedahkan tubuh badan dan menjolok mara seperti berikut :
 - i. Memakai skirt di atas paras lutut.
 - ii. Berseluar pendek.
 - iii. Berbaju T-shirt tanpa kolar.
 - iv. Berselipar
 - v. Memakai skirt ketat
 - vi. Memakai tindik bagi lelaki dan keterlaluan bagi perempuan.
- d) Pelajar lelaki dilarang sama sekali memakai subang dan rantai
- e) Setiap pelajar dilarang memakai tattoo dimana-mana anggota badan
- f) Semasa hari korporat iaitu hari Isnin, Rabu dan Jumaat atau semasa menghadiri majlis rasmi kolej, setiap diwajibkan berpakaian formal seperti berkemeja lengan panjang, bertali leher dan berseluar (bukan jeans), berkasut atau berpakaian uniform. Bagi pelajar perempuan diwajibkan memakai baju kurung atau pakaian yang bersopan seperti berskirt labuh dibawah paras lutut (non muslim) atau berseluar panjang yang tidak mengikut bentuk susuk badan.

- g) Di dalam majlis rasmi setiap pelajar tidak dibenarkan memakai topi atau bandana kecuali aktiviti riadah.
- h) Pelajar lelaki tidak dibenarkan berpakaian menyerupai wanita dan sebaliknya.
- i) Pakaian yang berfesyen (luar biasa) tidak dibenarkan untuk dipakai.
- j) Digalakkan memakai pakaian kebangsaan/tradisional pada tiap-tiap hari jumaat.

63. RAMBUT

- a) Setiap pelajar hendaklah sentiasa berambut kemas dan rapi.
- b) Pelajar tidak dibenarkan menyimpan rambut panjang bagi pelajar lelaki.
- c) Pelajar tidak dibenarkan mewarnakan rambut.
- d) Berfesyen rambut keterlaluan bagi lelaki dan perempuan adalah di larang.
- e) Rambut tidak boleh mencecah kolar bagi pelajar lelaki.

64. PENAFIAN PERKHIDMATAN DAN TEMPAT PENGUATKUASAAN

Setiap pelajar adalah merupakan pelanggan KIARA KOLEJ. Pihak kolej berhasrat memberi layanan atau perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar. Sekiranya pelajar tersebut tidak mematuhi etika penampilan pemakaian, pelajar tidak akan dilayan dan dinafikan perkhidmatan tersebut jika tidak mematuhi etika penampilan pelajar di semua kaunter, bilik pensyarah, bilik kuliah, makmal computer dan pejabat kolej.

65. HUKUMAN

Pelanggaran Etika penampilan pelajar boleh disabitkan dengan hukuman berdasarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti, KIARA KOLEJ (tatatertib pelajar-pelajar), bahagian II tatatertib am, larangan am, perkara (26) iaitu Ketua Eksekutif boleh mengeluarkan apa-apa arahan, secara bertulis yang difikirkannya perlu berhubungan dengan cara berpakaian pelajar didalam kolej.

BAHAGIAN VI

66. KEBENARAN MEMBAWA KENDERAAN

- a) Seseorang pelajar yang bercadang untuk menyimpan, atau mempunyai, memiliki kenderaan motor hendaklah memohon kebenaran daripada pihak pengurusan kolej.
- b) Permohonan tersebut hendaklah dengan mengisi boring dengan melampirkan surat kebenaran dari ibu/bapa/penjaga/salinan lesen serta cukai perjalanan kenderaan tersebut.
- c) Setiap pemilik kenderaan tersebut perlulah menampal atau meletakkan pelekat kenderaan masing-masing
- d) Setiap kenderaan perlulah memperbaharui permohonan tersebut bagi tujuan pembaharuan setiap tahun.
- e) Setiap permohonan boleh dibatalkan oleh pihak kolej sekiranya tidak berpuas hati dengan pemilik kenderaan itu di atas sebab yang munasabah.

67. DAFTAR KENDERAAN MOTOR

Setiap pelajar hendaklah mendaftarkan kenderaan yang dimiliki atau dipunyai hanya didalam kolej.

68. HAD LAJU

Pelajar adalah tidak dibenarkan memandu kenderaan bermotor dikawasan kolej melebihi kelajuan yang telah di tetapkan oleh pihak unit keselamatan KIARA KOLEJ.

69. TEMPAT LETAK KENDERAAN

- a) Pelajar hendaklah meletakkan kenderaan pada tempat khas yang telah disediakan dan hendaklah meletakkannya secara yang tidak mendatangkan bahaya atau halangan atau kesulitan kepada kenderaan lain.
- b) Setiap pelajar tidak dibenarkan meletakkan kenderaan di tempat atau ruang letak petak kenderaan yang dikhaskan bagi kenderaan tertentu.
- c) Pelajar adalah dilarang sama sekali memakir kenderaan di bahu jalan.

70. MEMBONCENG

Seorang pelajar yang membonceng motosikal beroda dua tidak boleh membawa lebih daripada seorang di atas motosikal itu.

71. LESEN MEMANDU DAN KAD MATRIK

Mana-mana pelajar yang memandu sesebuah kenderaan motor hendaklah membawa bersamanya lesen memandu yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] cukai jalan yang tidak tamat tempoh dan kad matrik pelajar.

72. HALANGAN KEPADA ALIRAN LALULINTAS

Seseorang pelajar tidak boleh berkelakuan dalam apa-apa cara atau melakukan apa-apa perbuatan yang menghalang atau mengganggu perjalanan lalu lintas yang licin dan teratur didalam kawasan kolej.

73. PELEKAT KENDERAAN

Setiap pelajar yang telah mendapat kebenaran untuk membawa kenderaan ke dalam kolej hendaklah menampal pelekat kenderaan di bahagian yang boleh dilihat dari hadapan pelekat tersebut boleh didapati di unit keselamatan KIARA KOLEJ.

74. PEMAKAIAN TOPI DAN TALI PINGGANG KALENDAR

Setiap pelajar diwajibkan memakai topi keledar sama ada yang memandu kenderaan, pembonceng serta memakai tali pinggang kalendar bagi kenderaan motokar.

75. KUASA KETUA UNIT KESELAMATAN KIARA KOLEJ

- a) Ketua unit keselamatan atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh ketua Eksekutif boleh dari semasa ke semasa secara lisan , bertulis , atau apa-apa perintah, arahan, atau petunjuk yang difikirkannya sesuai untuk menjaga keselamatan dan tatatertib didalam kampus.
- b) Pihak berkuasa tatatertib juga boleh pada bicaranya dengan mengenakan tatatertib terus kepada pelajar dengan amaran atau denda yang tidak melebihi **Lima Puluh** Ringgit.

BAHAGIAN VII

76. KESALAHAN

Seseorang pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib dibawah akta universiti dan kolej universiti, kaedah –kaedah KIARA KOLEJ (Tatatertib pelajar-pelajar) 2013, dan didapati bersalah atas kesalahan itu boleh dikenakan mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai seperti berikut :-

- a) Amaran
- b) Denda tidak melebihi Dua Ratus ringgit.
- c) Di gantung daripada menjadi seorang pelajar KIARA KOLEJ bagi tempoh yang ditetapkan.
- d) Diberhentikan daripada pengajian.

77. KEHADIRAN DIHADAPAN LEMBAGA PENGADILAN TATATERTIB PELAJAR

Jika pada pendapat Lembaga pengadilan tatatertib pelajar (LPTP) bahawa seorang pelajar telah melakukan suatu kesalahan tatatertib dibawah akta university kaedah university ini,LPTP hendaklah memberi tahu pelajar tentang kesalahan tatatertib yang didakwa itu dan mengkhendaki pelajar itu hadir dihadapannya dibilik tatatertib pada tarikh dan masa di tetapkan oleh LPTP.

78. AKIBAT TIDAK HADIR DIHADAPAN LEMBAGA PENGADILAN TATATERTIB PELAJAR

Jika seseorang pelajar tidak hadir dihadapan LTPT mengikut kaedah 49,dia hendaklah dengan serta merta digantung sebagai pelajar KIARA KOLEJ dan tidak boleh selepas itu berada didalam atau memasuki kampus. Penggantungan itu hendaklah berterusan sehingga pelajar menawarkan untuk hadir dihadapan pihak berkuasa pada tarikh,masa, dan tempat yang ditetapkan oleh LPTP.

Dalam prosiding tatatertib ,LPTP hendaklah menjelaskan kepada pelajar tentang fakta kesalahan tatatertib yang didakwa telah dilakukan oleh pelajar dan meminta pelajar membuat pengakuan atas kesalahan itu.

79. PENGAKUAN BERSALAH DAN TATACARA BERIKUTNYA

- a) Jika pelajar mengaku bersalah LPTP hendaklah menerangkan kepadanya tentang fakta kes.
- b) Jika pelajar mengaku tentang fakta ini dan LPTP berpuashati bahawa suatu kesalahan pada hakikatnya telah dilakukan daripada fakta tersebut LPTP hendaklah mengumumkan dia bersalah atas kesalahan tatatertib dan memintanya untuk mengemukakan apa-apa rayuan untuk meringankan hukuman.

80. TATACARA APABILA PELAJAR TIDAK MENGAKU BERSALAH

- a) Jika pelajar mengaku bahawa dia tidak mengaku bersalah atas kesalahan tatatertib atau gagal atau enggan membuat pengakuan atau tidak mengaku akan fakta kes LPTP hendaklah memeriksa mana-mana saksi atau apa-apa dokumen atau artikel lain yang menyokong kes terhadap pelajar;

pelajar hendaklah di minta menyoal saksi dan memeriksa apa-apa dokumen atau artikel dan LPTP bpoleh memriksa semula saksi.

- b) Bagi maksud subkaedah (2),saksi hendaklah dipanggil untuk memberi keterangan dalam pembicaraan oleh LPTP.

81. KETERANGAN PELAJAR

Selepas keterangan tersebut dalam kaedah 53 Akta Universiti dan Kolej 1971, Kaedah-Kaedah Tatatertib pelajar KIARA KOLEJ (Peraturan dan Prosedur) diterima dan LPTP mendapati bahawa ada suatu kes untuk dijawab, pelajar hendaklah diminta memberi keterangannya,memanggil mana-mana saksi atau mengemukakan apa-apa dokumen atau apa-apa artikel lain bagi pembelaannya LPTP boleh menyoal pelajar atau mana-mana daripada saksi pelajar dan memeriksa apa-apa dokumen atau artikel,dan pelajar boleh memriksa semula mana-mana daripada saksinya itu.

82. MEMANGGIL SEMULA SAKSI

LPTP boleh menyoal atau memanggil semula mana-mana saksi pada bila-bila masa sebelum pihak berkuasa itu mengumumkan keputusannya.

83. PENGUMUMAN KEPUTUSAN

Selepas mendengar keterangan saksi-saksi dan memeriksa dokumen atau artikel lain yang dikemukakan dihadapannya,LPTP hendaklah mengumumkan keputusannya dalam kes itu, dan jika berkuasa itu hendaklah meminta pelajar membuat apa-apa rayuan dalam masa 30 hari dari tarikh hukuman dijatuhkan untuk meringankan hukumannya.

84. MENGENAKAN HUKUMAN

Selepas pelajar mengemukakan hujah bagi meringankan hukumannya,LPTP hendaklah mengenakan ke atas pelajar satu daripada hukuman yang telah dinyatakan di dalam kaedah-kaedah tatatertib KIARA KOLEJ (Peraturan dan prosedur)

85. JAGAAN DAN PELUPUSAN BARANG KES (EKSHIBIT)

- a) LPTP boleh memerintahkan apa-apa dokumen atau artikel lain yang dikemukakan di hadapannya dalam perjalanan mana-mana prosiding tatatertib supaya disimpan dalam jagaannya orang yang dinyatakan oleh pihak berkuasa tatatertib sementara menanti tamatnya prosiding tatatertib itu.
- b) LPTP hendaklah apabila tamat prosiding tataterib dihadapannya,membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya patut untuk melupuskan apa-apa dokumen atau artikel lain yang dikemukakan dihadapannya dalam perjalanan prosiding tattertib,dan boleh mengarahkan supaya perintah itu mula berkuatkuasa sama ada secara serta merta atau pada suatu masa yang ditetapkan oleh LPTP itu

86. NOTA BERTULIS MENGENAI PROSIDING TATATERTIB

LPTP hendaklah membuat atau menyebabkan supaya dibuat nota-nota bertulis mengenai semua prosiding tatatertib dihadapannya tetapi nota-nota itu tidak perlu dibuat kata demi kata.

87. JAGAAN/MENYIMPAN NOTA.

Nota-nota mengenai prosiding tatatertib hendaklah disimpan dalam jagaan ketua Eksekutif atau orang yang diberi kuasa oleh Ketua Eksekutif.

88. DAFTAR PROSIDING TATATERTIB

Ketua Eksekutif hendaklah menyelenggara suatu daftar bagi semua prosiding tatatertib yang dijalankan dibawah kaedah-kaedah ini, daftar itu hendaklah merekodkan nama pelajar, butir-butir kesalahan tatatertib, kemajuan, perjalanan, prosiding, keputusan prosiding dan maklumat –maklumat atau butir-butir lain sebagaimana yang di arahkan oleh ketua Eksekutif.

89. BAYARAN DENDA

- a) Jika LPTP mengenakan hukuman denda ke atas pelajar, LPTP hendaklah menyatakan tempoh yang denda hendaklah dibayar dan pelajar hendaklah membayar denda tempoh tersebut kepada bendahari.
- b) Tempoh tersebut hendaklah tidak kurang dari empat belas belas hari dari tarikh keputusan LPTP.

90. AKIBAT TIDAK MEMBAYAR DENDA

Jika pelajar itu membayar denda dalam tempoh yang ditetapkan dia hendaklah dengan serta merta digantung daripada menjadi pelajar KIARA KOLEJ dan tidak boleh selepas itu berada didalam atau memasuki kawasan kampus, pergantungan itu hendaklah sehingga denda dibayar.

91. PERINTAH MEMBAYAR GANTI RUGI

- a) Jika apa-apa hukuman tattertib telah dikenakan ke atas seseorang pelajar, LPTP boleh, sebagai tambahan, memerintah pelajar tersebut membayar pampasan sebagaimana yang di tetapkan oleh LPTP berkenaan dengan kerosakan pada mana-mana harta atau apa-apa kerugian atau kecederaan kepada mana –mana orang.
- b) Seseorang pelajar boleh diperintahkan membayar pampasan dibawah kaedah ini tidak kira sama ada harta yang rosak itu kepunyaan KIARA KOLEJ atau mana-mana orang lain.
- c) Amaun pampasan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa hendaklah amaun yang adil dan munasabah dengan mengambil kira semua hal perkara kes dan orang yang terlibat dalam kes itu.
- d) Pampasan yang telah di tetapkan oleh LPTP hendaklah dibayar kepada bendahari dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- e) Apa-apa pampasan yang kena bayar atau dibayar hendaklah tanpa menjejaskan hak mana-mana orang untuk memulakan prosiding sivil dalam mahkamah undang-undang bagi kerosakan atau

pampasan dibawah mana-mana undang-undang bertulis lain berkenaan dengan kerosakan,kerugian atau kecederaan itu.

92. ORANG-ORANG YANG BOLEH HADIR DALAM PROSIDING TATATERTIB

- a) Anggota LPTP.
- b) Pelajar yang didakwa
- c) Saksi semasa dia memberi keterangan atau apabila dihendaki oleh LPTP; dan
- d) Mana-mana orang lain yang dibenarkan hadir oleh LPTP bagi apa-apa sebab yang tertentu berkenaan dengan kerosakan,kerugian atau kecederaan yang tersebut,atau mana-mana orang untuk menerima apa-apa bayaran atau pampasan dibawah mana-mana undang-undang bertulis lain berkenaan dengan kerosakan,kerugian atau kecederaan itu.

93. RAYUAN

- a) Jika pelajar tidak berpuas hati dengan keputusan LPTP boleh membuat rayuan secara bertulis dengan menyatakan alasan-alasan rayuannya itu dalam tempoh 30 hari dari tarikh hukuman dijatuhkan dan dihantar kepada bahagian hal ehwal siswa.
- b) Bahagian Hal Ehwal Siswa menerima notis rayuannya dan mengemukakan notis rayuan dan nota perbincaraan kepada lembaga rayuan pengadilan pelajar (LRTP)
- c) LRTP membuat mesyusrst rsyusn bsgi mempertimbangkan rayuan pelajar.
- d) Selepas meneliti notis rayuan dan nota perbincaraan LRTP boleh menerima atau menolak rayuan itu dan keputusan itu adalah muktamad.
- e) Keputusan LRTP hendaklah dibuat dan dimaklumkan kepada pelajardan ibu bapa/penjaga selewat-lewatnya 14hari hari dari tarikh notis rayuan.
- f) Keputusan LRTP adalah muktamad kecuali pada kes-kes pelajar yang disabitkan hukuman buang pengajian sahaja.

BAHAGIAN VIII

Seseorang pelajar yang melanggar mana-mana Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Kaedah –Kaedah KIARA KOLEJ (Tatatertib pelajar-pelajar)2013, mana-mana garis panduan, arahan, petunjuk, sekatan, syarat atau terma yang atau diberikan dibawah akta ini adalah melakukan suatu kesalahan tatatertib.

95. KAEDAH –KAEDAH TATTERTIB KIARA KOLEJ (PERATURAN DAN PROSEDUR) INI TIDAK MENGURANGKAN TANGGUNGAN JENAYAH

Tiada apa-apa jua dalam kaedah-kaedah tatatertib pelajar KIARA KOLEJ yang boleh mengurangkan tanggungman mana-mana pelajar atau orang lain bagi apa-apa kesalahan dibawah mana-mana undang-undang bertulis.

96. JENIS-JENIS KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAN MENGIUT PERATURAN DAN TATATERTIB PELAJAR KIARA KOLEJ

Rupa diri & pakaian (RM5.00)

Siswa

1. Memakai baju atau T yang tidak berlengan dan tidak berkolar.
2. Memakai baju yang bersaiz terlalu ketat dan menjolok mata.
3. Memakai baju yang bertampung atau bertampal.
4. Memakai baju yang mempunyai tulisan, perkataan atau gambar yang diluluskan.
5. Memakai baju yang tidak dibutang atau dizipkan dengan sempurna.
6. Memakai seluar yang koyak dan bertampal-tampal.
7. Memakai seluar yang ketat.
8. Memakai seluar yang kaki berserabut dan berbulu.
9. Memakai seluar yang singkat iaitu di atas buku lali.
10. Memakai seluar dibawah paras pusat.
11. Memakai tali pinggang atau fesyen kepala tali pinggang yang tidak sesuai.
12. Tidak memakai kasut.
13. Memakai selipar terompah atau capal.
14. Mempunyai fesyen rambut yang melampau dan diwarnakan.
15. Menyimpan rambut yang panjang melebihi kolar.
16. Memakai subang bagi pelajar lelaki
17. Bertindik bagi pelajar siswa.
18. Memakai rantai leher
19. Memakai topi didalam kelas dan makmal dewan peperiksaan dan pejabat pentadbiran.
20. Memakai seluar pendek
21. Memakai pakaian yang menyerupai wanita
22. Memakai tattoo.

Siswi

1. Memakai pakaian yang boleh mendedahkan bahagian dada, bahu, belakang badan dan menampakkan mana-mana bahagian badan.
2. Memakai pakaian yang ketat, sendat, jarang, pendek, nipis atau berbelah.
3. Memakai skirt yang pendek iaitu di atas paras lutut (bagi bukan beragama Islam).

4. Memakai baju yang tidak berlengan atau berlengan pendek.
5. Memakai terompah atau selipar.
6. Memakai solekan berlebihan.
7. Memakai pakaian yang menjolok mata.
8. Mewarnakan rambut.
9. Memakai tattoo.
10. Memakai pakaian yang menyerupai pakian seorang lelaki.
11. Tidak menggalakkan memakai barang perhiasan daripada emas.
12. Di larang menyimpan kuku yang panjang.

KAD MATRIK (RM5.00)

1. Tidak memakai kad matrik semasa berada didalam kawasan kampus.
2. Tidak dipakai dan dipamerkan dengan cara yang betul.
3. Di conteng , di tukar butiran/gambar atau di ubahsuai.
4. Memakai kad matrik milik pelajar lain.

UMUM (RM 5.00)

1. Dengan sengaja tidak menghadiri mana-mana program rasmi yang dianjurkan oleh pihak KIARA KOLEJ.
2. Membuat sebarang bentuk perhimpunan yang tidak diizinkan.
3. Bermalam diluar kawasan kampus tanpa kebenaran pihak berkuasa KIARA KOLEJ.(Bagi pelajar yang berdaftar di kolej kediaman dalam kampus)
4. Membantu atau memberi tumpangan penginapan kepada pelajar lain, tetamu luar atau penghuni dari bilik lain.
5. Melakukan pertukaran bilik tanpa kebenaran.
6. Bilik berkeadaan tidak kemas dan kotor.
7. Mengalih atau mengubah suai perabot yang terdapat didalam bilik.
8. Menggunakan barangan maskan dirumah kediaman tanpa kebenaran pihak berkuasa KIARA KOLEJ.
9. Membuat bising di kawasan kolej kediaman.
10. Berada diluar kolej kediaman selepas jam 11.00 malam tanpa kebenaran pihak berkuasa KIARA KOLEJ.
11. Memasuki kawasan kolej kediaman selepas jam 11.00 malam.
12. Memasuki kawasan pentadbiran dan akedemik selepas jam 7.00 malam tanpa kebenaran pihak KIARA KOLEJ.
13. Memasuki kawasan larangan KIARA KOLEJ.
14. Memasuki kawasan kolej kediaman yang berlainan jantina tanpa kebenaran.
15. Menghisap rokok dikawasan kampus.
16. Menampal sebarang notis, iklan atau mengedarkan sebarang risalah tanpa kebenaran pihak KIARA KOLEJ.
17. Tidak mengikut etika pakaian.
18. Menampal poster dikawasan kampus, merosakkan atau memaku didinding.
19. Memiliki dapur gas di kolej kediaman.
20. Meletakkan kenderaan dikawasan yang dilarang atau dikhaskan.
21. Membuang sampah dikawasan yang dilarang atau dikhaskan.
22. Merosakkan harta atau kemudahan kampus KIARA KOLEJ.

PERPUSTAKAAN (RM5.00)

1. Tidak memakai kad matrik.
2. Membawa beg atau bungkusan ke dalam perpustakaan.
3. Membuat bising atau bercakap kuat sehingga boleh mengganggu pengguna-pengguna lain.
4. Tidak meletakkan buku yang telah dibaca diatas troli yang disediakan.
5. Mengalihkkan kerusi dari satu meja ke meja yang lain.
6. Tidak merapatkan kerusi ke meja sebelum meninggalkan perpustakaan.
7. Membawa keluar bahan-bahan perpustakaan tanpa kebenaran.
8. Menconteng mana-mana buku, majalah, suratkhbar dan lain-laian bahan-bahan bercetak.
9. Memakai pakaian yang tidak dibenarkan (lelaki)
10. Memakai pakaian yang tidak dibenarkan (perempuan)
11. Menggunakn telefon bimbit diperpustakaan.
12. Makan, minum, tidur atau membuat sesuatu yang akan menjejaskan suasana pembelajaran di perpustakaan.



AKU JANJI PENERIMA PERATURAN AM PELAJAR KOLEJ KIARA

Kepada Ketua Eksekutif KOLEJ KIARA :

1. Saya,

.....
.....
.....

No. K/P :..... dengan ini mengaku bahawa saya telah membaca dan memahami peraturan am kolej kiara.

2. Dan saya juga berjanji untuk mematuhi semua peraturan am yang telah ditetapkan oleh Kiara kolej padasetiap masa.

3. Saya juga berjanji akan menjaga nama baik Kolej Kiara .

Tandatangan pelajar :.....

No.matrik :.....

Kursus :.....

Tarikh :.....